Penentuan paleoalam di tapak arkeologi prasejarah boleh direkonstruksi melalui pelbagai teknik saintifik. Salah satu teknik yang penting adalah analisis palinologi. Palinologi merupakan kajian tentang butiran polen (dihasilkan daripada tumbuhan berbiji iaitu angiosperma dan gymnosperma) dan spora (dihasilkan oleh pteridophytes, bryophytes, algae dan fungi) (Moore *et al.*, 1991). Kajian palinologi berguna kepada kajian arkeologi kerana memberikan petunjuk untuk memahami interaksi antara perubahan iklim dan tindak balas ekosistem khususnya manusia prasejarah.

1.3 KAWASAN KAJIAN

Lembah Lenggong terletak di dalam lingkungan dibatasi longitud $100^{\circ} 55.38'$ T hingga $101^{\circ} 02.95'$ T dan latitud $05^{\circ} 04.14'$ U hingga $05^{\circ} 09.54'$ U (Rajah 1.1), meliputi kawasan seluas 350 kilometer persegi. Ketinggian lembah ini adalah antara 62 m hingga 100 m di atas aras laut (Rajah 1.1). Lembah ini dibatasi oleh dua banjaran iaitu di bahagian timur oleh Banjaran Titiwangsa dan bahagian barat oleh Banjaran Bintang. Kedua-dua banjaran tersebut terdiri daripada batuan granit biotit porfiritik. Sungai Perak pula didapati mengalir di sepanjang lembah.


WWFM (1999) melalui projek pemetaan dan GIS mengelaskan keseluruhan ekosistem hutan di kawasan Hutan Simpan Belum dan Temenggor terdiri daripada hutan tanah rendah dipterokarpa, hutan bukit dipterokarpa dan hutan gunung rendah. Lembah Lenggong mempunyai ekosistem yang hampir sama seperti Hutan Simpan Belum dan Temenggor yang dibahagikan kepada tiga jenis hutan tersebut yang merupakan sebahagian hutan hujan tropika. Taburannya hutan tersebut dominan ditemui di persekitaran batu kapur masif dan di Banjaran Titiwangsa serta Banjaran Bintang (Rajah 1.2). Muhammad Saiful dan Shahrul Anuar (2012) mengelaskan



- Petunjuk**
- Jalan Utama'
 - Sungai Utama
 - Bandar Utama
 - Tapak Paleolitik terbuka

- Ketinggian (m)**
- 1600 - 1800
 - 1400 - 1600
 - 1200 - 1400
 - 1000 - 1200
 - 800 - 1000
 - 600 - 800
 - 400 - 600
 - 200 - 400
 - 0 - 200

Rajah 1.1: Kawasan kajian merangkumi 350 kilometer persegi di Lenggong, Perak.



Rajah 1.2: Taburan hutan simpan kekal di negeri Perak (dipetik daripada Jabatan Perhutanan Negeri Perak, 2018). Kotak merah merupakan taburan hutan di kawasan kajian.


tumbuhan di kawasan batu kapur Bukit Kepala Gajah, Lenggong adalah campuran termasuklah hutan batu kapur dan hutan tanah rendah dipterokarpa. Hutan tersebut wujud sebagai hutan berterusan dan hutan tompokan. Hutan berterusan di Lembah Lenggong dominan dengan pokok-pokok seperti *Dipterocarpus* sp., *Koompassia* sp., *Dyera* sp., dan *Shorea* sp. (Muhammad Saiful *et al.*, 2018). Hutan tompokan pula secara amnya mempunyai kepadatan pokok yang sangat berkurangan, pokok-pokok yang lebih kecil, kurang perlindungan kanopi daripada hutan berterusan, dan banyak semak belukar. Hutan di kawasan Tasik Raban iaitu di bahagian selatan Lenggong dan hutan di sekeliling Sungai Perak adalah lebih dominan dengan hutan tanah rendah dipterokarpa. Lembah Lenggong turut dikenali sebagai landskap yang subur dengan kepelbagaian flora yang eksotik (Siti Hajar dan Zuraini, 2013). Kini, kebanyakan tumbuhan di Lembah Lenggong telah ditukarkan kepada tumbuhan pertanian seperti pokok getah, pokok kelapa sawit dan tumbuhan kebun. Walaupun begitu, taburan hutan hujan tropika yang paling utama masih kekal di sempadan lembah iaitu di Banjaran Bintang di barat dan Banjaran Titiwangsa di timur.

Iklm di Lembah Lenggong adalah panas dan lembap sepanjang tahun dengan sedikit variasi dengan suhu yang hampir seragam, kelembapan yang tinggi dan hujan yang sederhana. Suhu tahunannya adalah di antara 23°C hingga 33°C dengan purata kelembapannya 82.3%. Purata hujan tahunan kawasan Lenggong ialah sekitar 120 cm³ hingga 200 cm³ (Jabatan Meteorologi Malaysia, 2009) (Jadual 1.1 dan Rajah 1.3). Walaupun angin di Malaysia pada amnya lemah dan arahnya berubah-ubah, terdapat perubahan bertempoh dalam corak tiupan angin. Berdasarkan kepada perubahan ini, Lembah Lenggong turut mengalami empat musim iaitu monsun timur laut, monsun barat daya dan dua musim peralihan monsun yang lebih pendek. Tiupan angin di kawasan kajian, iaitu monsun timur laut bermula pada bulan November hingga Mac

dan monsun barat daya bermula pada bulan Mei hingga September. Tempoh Peralihan Monsun pula bermula pada hujung bulan Mac hingga awal Mei dan Oktober hingga pertengahan November. Maka, secara umumnya iklim khatulistiwa kini yang sentiasa hujan dan panas telah menghasilkan hutan hujan tropika di seluruh Lembah Lenggong.

Jadual 1.1: Jadual taburan hujan bagi 10 tahun terdahulu (Stesen Lubuk Merbau)

TAHUN	PURATA TABURAN HUJAN (cm)
2000	193
2001	144
2002	139
2003	139
2004	153
2005	129
2006	153
2007	137
2008	198
2009	176




Rajah 1.3: Graf taburan hujan tahunan di kawasan Lenggong, Perak (Stesen Meteorologi Lubuk Merbau, Kuala Kangsar)

1.4 SEJARAH GEOLOGI LEMBAH LENGGONG

Secara amnya, geologi kawasan Lembah Lenggong diwakili oleh batuan metamorf daripada Formasi Kroh, batuan igneus daripada Granit Banjaran Utama dan Banjaran Bintang, endapan Kuartener daripada unit Bukit Bunuh, unit aluvium dan unit tefra (Jones, 1970; Burton, 1986; Rushdan, 1994; Mokhtar, 2009a; Mokhtar, 2010) (Rajah 1.4).

Sejarah pengendapan geologi di Lembah Lenggong telah bermula sejak Silur Awal (± 435 juta tahun dahulu) iaitu diwakili oleh Formasi Kroh (Mat Niza *et al.*, 2008). Batuan Formasi Kroh terdiri daripada syal berkarbon dan batu lumpur bersilika dengan kehadiran kekanta atau lapisan batuan berarenit dan berkapur. Ini merupakan siri pengendapan di lembangan laut cetek. Pada awalnya, batuan-batuan tersebut telah dinamakan sebagai Kumpulan Baling (Burton, 1986), namun begitu hasil pemetaan sempadan Malaysia-Thailand (MT-JGSC, 2009) telah melupuskan Kumpulan Baling daripada stratigrafi batuan Kedah-Perak. Semasa Karbon Akhir (± 300 juta tahun dahulu) dan Perm Awal (± 280 juta tahun dahulu), berlaku pergerakan aktif akibat sesar Bok Bak yang menyebabkan ada batuan teranjak dan terhablur semula. Batuan daripada Formasi Kroh telah direjah oleh batuan granit pada akhir Trias (± 205 juta tahun dahulu), iaitu Granit Banjaran Utama atau Granit Titiwangsa dan Granit Bintang menyebabkan batuan tersebut telah terangkat menjadi sisa bumbung dan termetamorf yang menyebabkan munculnya batuan marmar, honfel kalka silikat dan pseudosparit di Lembah Lenggong (Burton, 1986). Menurut Quek *et al.*, (2017) mengatakan proses rejeahan batuan Granit Bintang dan Granit Titiwangsa mempunyai perkaitan dengan perlanggaran blok Sibumasu dan blok Indochina-Malaysia Timur semasa Trias Akhir atau dengan lebih terperinci ~ 221 – 224 Ma. Berdasarkan kepada kajian tersebut juga



Rajah 1.4: Stratigrafi Lembah Lenggong (selepas Nor Khairunnisa, 2013)

menunjukkan batuan dasar di bahagian barat Semenanjung Malaysia tidak terdiri daripada sepenuhnya oleh batuan metasedimen (Quek *et al.*, 2017).

Satu peristiwa yang penting turut berlaku semasa Kuartener adalah melibatkan hentaman meteorit semasa 1.83 juta tahun dahulu (Mokhtar, 2010). Hasil daripada hentaman meteorit tersebut telah mengubah batuan asal, batuan Formasi Kroh, batuan Granit Banjaran Bintang dan Granit Banjaran Utama kepada batuan impak. Proses metamorfisma kejutan tersebut telah memberikan kesan perubahan suhu dan tekanan kepada batuan asal yang menghasilkan batuan baru seperti batuan suevit, batuan leburan impak, batuan breksia polimiktik dan batuan Granit Bintang terimpak (Hamzah *et al.*, 2012). Selepas peristiwa tersebut, berlaku pula siri pengendapan endapan debu tefra Toba pada 74,000 tahun dahulu (Mokhtar, 2009a). Selain peristiwa hentaman meteorit dan pengendapan debu tefra, wujud juga pengendapan aluvium Kuartener yang berkaitan dengan kajian arkeologi.

Unit aluvium di Lembah Lenggong terbahagi kepada dua iaitu endapan berkelikir dan endapan lanar. Kedua-dua jenis aluvium ini merupakan siri pengendapan sedimen yang baru di Lembah Lenggong. Endapan berkelikir di Lembah Lenggong dicirikan oleh perkaitannya dengan budaya Paleolitik yang menunjukkan kelikirnya digunakan dalam industri alat batu mereka. Aluvium baru dicirikan oleh endapan pasir, lempung dan kelikir yang tak terkonsolidat hingga separa konsolidat. Ia biasa ditemui di kawasan bertanah rendah berketebalan sekitar 15 meter yang meliputi sepanjang Sungai Perak (Ismatul Hani Shada, 2005). Pengendapan aluvium baru dikawal oleh Sungai Perak wujud hasil operasi sungai, banjir, endapan kaki bukit dan di kuala atau muara sungai. Endapan ini merupakan endapan paling muda di kawasan kajian.

Lembah Lenggong mempunyai geologi yang unik dengan bermulanya proses pengendapan daripada Silur Awal hingga Kuartener. Kewujudan pelbagai peristiwa memberikan sumbangan yang besar pembentukan geomorfologi dan jenis batuan yang wujud di Lembah Lenggong terutamanya paleoalam Lembah Lenggong.

1.5 PALEOALAM DI LEMBAH LENGGONG

Kajian paleoalam di Lembah Lenggong telah dijalankan dengan menggunakan disiplin geologi dalam mengenalpasti persekitaran kuno yang telah berlaku semasa Pleistosen. Berdasarkan kajian-kajian tersebut beberapa peristiwa telah dikenalpasti mempengaruhi pembentukan paleoalam di Lembah Lenggong semasa Pleistosen di mana melibatkan perubahan bentuk landskap bumi dan persekitaran (Jadual 1.2).


Kajian ini telah dimulakan sejak 1962 oleh Walker dan Sieveking namun begitu kajian yang lebih jelas telah dijalankan Zuraina dan Tjia (1988) di tapak Kota Tampan 1987. Kajian paleoalam di Lembah Lenggong oleh Walker dan Sieveking (1962) telah mentafsirkan tapak Kota Tampan berada di tepi sungai yang dipengaruhi oleh endapan marin oleh perubahan aras laut. Mereka tidak menjalankan kajian paleoalam secara menyeluruh di Lembah Lenggong, akan tetapi meletakkan kesemua teres berkelikir 72 hingga 76 meter seperti tapak Kota Tampan terhasil dari endapan marin semasa glasier tahap kedua (Walker dan Sieveking, 1962). Walau bagaimanapun, Zuraina dan Tjia (1988) melalui kajian paleoalam secara menyeluruh di Lembah Lenggong telah menolak pendapat tersebut kerana mereka mendapati kawasan Lembah Lenggong terutamanya Kota Tampan dipengaruhi oleh tasik kuno Chenderoh yang berlangsung semasa Pleistosen. Tasik kuno tersebut bersaiz tiga kali ganda saiz Tasik Chenderoh sekarang. Interpretasi ini turut disokong oleh hasil kajian

Jadual 1.2: Sejarah kajian paleolam di Lembah Lenggong

Sejarah Kajian	Interpretasi Kajian	Penyelidik
1962	Tapak Kota Tampan dan Lembah Lenggong dipengaruhi oleh endapan marin semasa glasier tahap kedua berdasarkan kajian geologi	Walker dan Sieveking (1962)
1988	Lembah Lenggong terutamanya tapak Kota Tampan dipengaruhi oleh tasik kuno Chenderoh yang berlangsung semasa Pleistosen. Tasik kuno ini terbentuk secara semula jadi dan kemungkinan wujudnya runtuhan besar yang menyekat pengaliran Sungai Perak	Zuraina dan Tjia (1988)
1996	Lembah Lenggong pernah dipengaruhi oleh iklim savana tropika berdasarkan kajian di tapak Kota Tampan yang berusia 70,000 tahun dahulu.	Zuraina (1997)
1997	Tapak Temelong dipengaruhi oleh tasik kuno Chenderoh semasa 100,000-200,000 tahun dahulu. Tapak ini berbentuk sebuah pulau kecil pada paras 97m	Mokhtar (1997a)
1997	Tapak Bukit Jawa dipengaruhi oleh tasik kuno Chenderoh semasa 100,000-200,000 tahun dahulu. Tapak ini berbentuk sebuah pulau kecil pada paras 97m. Kewujudan debu gunung berapi Toba dikenal pasti pesisir pulau tersebut setebal 2-3 meter.	Zuraina (1997)
1997	Tasik kuno Lawin wujud di bahagian Utara Lenggong Dipercayai terjadi akibat runtuhan semula jadi yang menyebabkan aliran Sungai Perak tersekat dan membentuk tasik di bahagian utaranya	Mokhtar (1997b)
2004	Tapak Bukit Bunuh 2001-2003 dipengaruhi oleh tasik kuno Chenderoh semasa 40,000 tahun dahulu	Mokhtar (2006a)
2005	Tapak KT2005 dipengaruhi oleh tasik kuno Chenderoh semasa 70,000 tahun dahulu	Hamid (2007)
2007	Sungai Perak kuno telah mengalami perubahan beberapa kali kepada kedudukan terkini berdasarkan taburan teres berkelikir. Sekurang-kurangnya terdapat 5 teres sungai kuno sebelum kedudukan sekarang Bacaan rendah graviti dan magnetik menunjukkan perubahan Sungai Perak lebih ke kiri bergantung kepada taburan dan komposisi sedimen	(Mokhtar dan Jeffrey 2007), (Khairul, 2007).
2008-2010	Tapak Bukit Bunuh 2008-2010 dipengaruhi oleh tasik kuno Chenderoh semasa 270,000 -550,000 tahun dahulu	Nor Khairunnisa (2013)
2011	Peristiwa hentaman meteorit semasa 1.83 juta tahun dahulu turut menyekat pengaliran sungai kuno dan mengalihkan ke arah timur. Hentaman tersebut telah membentuk kawah hentaman meteorit di sekitar Bukit Bunuh.	Jeffrey <i>et al</i> (2011)
2013	Penemuan fosil vertebrat di dinding gua di Gua Badak, Lenggong yang berusia Pleistosen Pertengahan iaitu sekitar 500,000 tahun dahulu memberikan petunjuk wujudnya persekitaran lembap iaitu kenyanakan dicirikan oleh hutan	Ibrahim, (2013).
2014	Pengendapan kembali gunung berapi di Lembah Lenggong menunjukkan persekitaran lakustrin atau tasik telah berlaku di Lembah Lenggong	Norishah Hashim (2014)

Mokhtar (1997a), Hamid (2007) dan Nor Khairunnisa (2013). Menurut kajian Zuraina dan Tjia (1988), tasik kuno ini terbentuk secara semula jadi dan hasil runtunan besar yang menyekat pengaliran Sungai Perak (Zuraina dan Tjia, 1988). Tjia (1993) mendapati runtunan tersebut berlaku berdasarkan tafsiran geomorfologi di cerun Gunung Hong yang menyebabkan tiga parut *crescetic* membentuk cerun dan menyebabkan runtunan tanah termasuk blok granit (Rajah 1.5). Perubahan landskap sungai tersebut yang membesar akibat sekatan runtunan membentuk tasik dianggarkan berlaku sebanyak beberapa kali semasa zaman Prasejarah berdasarkan rekonstruksi geologi dan geomorfologi oleh Mokhtar dan Jeffrey (2007) (Rajah 1.6). Tasik kuno ini adalah tasik yang sama wujud semasa tapak-tapak Paleolitik di Lembah Lenggong diduduki. Penerangan ringkas tentang perubahan tasik mengikut ketinggian tapak di Lembah Lenggong diterangkan dalam Jadual 1.3.


Selain mempengaruhi pembentukan tasik kuno, paleoalam Lembah Lenggong dipengaruhi oleh evolusi pembentukan Sungai Perak. Mokhtar dan Jeffrey (2007) mengenalpasti Sungai Perak telah mengalami perubahan beberapa kali kepada kedudukan terkini berdasarkan taburan teres berkelikir (Jadual 1.4). Tapak endapan kelikir sungai tersebut ditemui berkeluasan antara 30 m² hingga 2 km². Kajian melalui penginderaan jauh dan survei lapangan mendapati sekurang-kurangnya terdapat lima teres sungai kuno sebelum kedudukan sekarang (Rajah 1.7). Perubahan tersebut turut disokong oleh bukti subpermukaan daripada survei geofizik (Mokhtar dan Jeffrey 2007). Bacaan rendah graviti dan magnetik menunjukkan perubahan Sungai Perak lebih ke barat bergantung kepada taburan dan komposisi sedimen (Khairul, 2007).



Petunjuk

- Tapak Paleolitik
- Paras Sungai dan tasik sekarang
- Paras Sungai dan tasik kuno
- Jalan Raya

Rajah 1.5: Tasik kuno Chenderoh yang wujud akibat runtuh Gunung Hong. Tapak Kota Tampan berada di pesisir tasik tersebut. (Selepas Tjia,1993)




Rajah 1.6: Perubahan landskap Sungai Perak yang membesar membentuk tasik berlaku sebanyak beberapa kali dari 200,000 tahun dahulu sehingga 40,000 tahun dahulu. (Selepas Department of National Heritage, 2011).

Jadual 1.3: Perbandingan paleoalam tapak Paleolitik di Lembah Lenggong (Selepas Mokhtar, 1997a dan Nor Khairunnisa, 2013)

Perbandingan	Kota Tampan	Kampung Temelong	Bukit Bunuh 2008 dan 2010
1. Ketinggian	72-76 m dari aras laut	92-115m	97-100m
2. Agen Pengendapan	Sungai Perak dan anak-anak sungainya	Sungai kuno Temelong	Sungai Perak dan anak-anak sungainya
3. Faktor Pengendapan	Perubahan kecerunan apabila sungai memasuki tasik	Perubahan kecerunan apabila sungai memasuki tasik	Perubahan kecerunan apabila sungai memasuki tasik
4. Kelikir yang diendapkan	Kelikir Formasi Baling	Kelikir Formasi Baling	Kelikir Formasi Baling dan batuan impaktit
5. Stratigrafi	Lapisan kelikir berartifak (30-40 cm) yang terletak di atas tanah granit ditutupi oleh sedimen penutup (10-80 cm).	Lapisan kelikir berartifak (50-100 cm) ditutupi oleh lapisan penutup (10-40 cm) dan terletak di atas tanah granit	Lapisan kelikir berartifak (50-70 cm) ditutupi oleh lapisan penutup (20-30cm) dan terletak di atas tanah granit
6. Lapisan penutup	Pasir, kelikir, liat	Pasir, kelikir, liat dan debu tefra	Pasir, kelikir, liat
7. Panorama Pleistosen Akhir	Tasik kuno Chenderoh	Tasik kuno Chenderoh dan sungai kuno Temelong	Tasik kuno Chenderoh
8. Paras tasik 72 m	Di gigi tasik	Bukit kecil di sebuah tanjung	Permatang jauh dari tasik
9. Paras tasik 76 m	Pulau kecil	Bukit kecil di sebuah pulau besar	Permatang jauh dari tasik
10. Paras tasik 92 m	Tenggelam	Pulau kecil	Tanjung
11. Paras tasik 97m	Tenggelam	Pulau kecil	Gigi tasik
11. Luluhawa batuan	Kesemua teres	Kesemua teres	Kesemua teres

Jadual 1.4: Jumpaan endapan kelikir oleh Mokhtar dan Jeffrey (2007) di Lembah Lenggong

No.	Tapak	Latitud	Longitud	Altitud (m)
1.	Bkt Lenggong	05 06' 04,88108"	100 57' 38,73739"	157.781
2.	Tapak 1	05 04' 48,40563"	100 57' 18,63792"	124.616
3.	Sumpitan	05 10' 02,60489"	101 00' 32,82064"	124.375
4.	Tapak 6	05 03' 37,04452"	100 58' 11,67566"	121.491
5.	Tapak 2	05 04' 40,71014"	100 57' 23,42667"	115.724
6.	Bkt Jangkal	05 08' 48,52080"	101 00' 51,58668"	104.909
7.	Bkt Jawa	05 07' 42,67686"	100 59' 33,29320"	104.669
8.	Bkt Changkul	05 08' 31,38813"	100 59' 27,89612"	103.707
9.	Bkt Sapi 3	05 08' 46,29843"	101 02' 05,27729"	103.226
10.	Tapak 5	05 04' 57,58180"	100 57' 38,70148"	97.699
11.	Bkt Sapi 2	05 08' 24,34139"	101 01' 53,88658"	96.497
12.	Tapak 7	05 03' 51,49103"	100 58' 22,77065"	95.776
13.	Bkt Bunuh	05 04' 07,28877"	100 58' 20,86993"	95.296
14.	Temelong	05 06' 55,39016"	100 59' 22,13816"	92.172
15.	Bkt Sapi 1	05 08' 03,80348"	101 01' 53,67898"	90.97
16.	Kota Tampan	05 03' 14,91368"	100 58' 16,87991"	87.605
17.	Batu Berdinding	05 05' 16,41212"	100 58' 19,04375"	86.404
18.	Luat	05 03' 32,41691"	100 59' 02,08818"	84
19.	Tapak 3	05 03' 58,96957"	100 57' 51,01162"	81.116
20.	Tapak 4	05 04' 01,44813"	100 57' 22,35003"	72.705



Rajah 1.7: Tafsiran peralihan Sungai Perak kuno di Hulu Perak oleh Jeffrey (2007)

Peristiwa hentaman meteorit semasa 1.83 juta tahun dahulu turut menyekat pengaliran sungai Perak kuno dan mengalihkan ke arah timur (Jeffrey *et al.*, 2011). Hentaman tersebut telah membentuk kawah hentaman meteorit di sekitar Bukit Bunuh. Kawah tersebut dianggarkan berdiameter lapan kilometer. Kajian morfologi kawah Bukit Bunuh dilakukan melalui beberapa kaedah seperti kaedah geofizik, penggerudian teras gerudi, analisis lineamen, analisis sistem saliran, analisis topografi, analisis litologi dan analisis taburan struktur kon pecah (Abdul Rahim *et al.*, 2012; Zakaria *et al.* (2012); Nur Asikin, 2013; Rosli, 2016). Bahagian permatang Bukit Bunuh mempunyai ciri-ciri tonjolan tengah kawah dan pusat kawah yang telah ditindih oleh lapisan aluvium nipis (Nur Asikin, 2013).

Pengendapan debu tefra toba turut menjadi petunjuk kepada paleoalam di Lembah Lenggong. Norishah (2014) mencadangkan persekitaran lakustrin atau tasik telah berlaku di Lembah Lenggong berdasarkan pengendapan kembali gunung berapi di Lembah Lenggong. Usia pengendapan tersebut dianggarkan sekitar 75,000 tahun dahulu berdasarkan kaedah pentarikan pandar kilau rangsangan optik (OSL). Ketebalan debu tefra dipengaruhi oleh aliran sungai yang dipercayai berada 70 m lebih tinggi daripada paras air kini semasa pengendapan tersebut terjadi di seluruh Lenggong. Norishah (2014) turut mencadangkan kemungkinan tiga cara pengendapan debu tersebut telah berlaku di Lembah Lenggong iaitu 1) debu tefra telah dialirkan daripada dua banjaran dan dimendapkan di lembah sungai 2) tanah runtuh yang besar di Gunung Hong telah menyebabkan tefra mengalami erosi ke Sungai Perak semasa pembentukan Tasik Chenderoh 3) endapan debu tefra itu berasal dari kawasan utara Sungai Perak telah membanjiri kawasan Lembah Lenggong disebabkan oleh kecerunan cerun. Kajian stratigrafi dan sedimentologi oleh Gatti *et al.* (2013) terhadap empat tapak debu tefra *Youngest Toba Tuff* (YTT) di Lembah Lenggong menunjukkan

pengendapan debu tersebut adalah berasosiasi dengan pengendapan dan angkutan sungai dan kolovium. Gatti *et al.*, (2013) merekodkan wujudnya proses angkutan sungai berdasarkan stuktur sedimen dan partikel saiz bagi endapan debu tefra *Youngest Toba Tuff* (YTT) di Lembah Lenggong. Usia debu tersebut adalah sekitar 73,000 tahun dahulu berdasarkan persamaan elemen kimia major dan unsur nadir bumi (REE). Kewujudan persekitaran dataran banjir dan berpaya yang dicirikan oleh banjir bermusim turut dikenalpasti di salah satu lokaliti di Kg. Luat, Lenggong. Debu tersebut juga dikenalpasti berasosiasi dengan artifak batu Paleolitik di tapak ekskavasi Kota Tampan 1987 (Zuraina dan Tjia 1988) dan Kota Tampan 2005 (Hamid, 2007). Zuraina (2003) telah menyesuaikan pentarikhkan Kota Tampan daripada sekitar 30,000 kepada 74,000 tahun dahulu kerana mempercayai bahawa intepretasi Chesner dan Rose, (1991) adalah lebih tepat dan sesuai dengan taburan debu Toba di seluruh rantau ini. Pentarikhkan pandar kilau rangsangan optik (OSL) debu toba di tapak Kota Tampan 2005 adalah berusia 74,000 tahun dahulu (Hamid, 2007). Disamping itu, Storey *et al.*, (2012) melalui pentarikhkan $^{40}\text{Ar}/^{39}\text{Ar}$ mengatakan pengendapan debu gunung tefra di lubang penggerudian pekan Lenggong yang berusia 73.88 ± 0.32 tahun dahulu.

Selain perubahan bentuk muka bumi, Zuraina (1996) mengatakan Lembah Lenggong pernah dipengaruhi oleh iklim savana tropika berdasarkan kajian di tapak Kota Tampan yang berusia 70,000 tahun dahulu. Perubahan iklim tersebut dipengaruhi oleh 20 episod penyejukan secara global sejak dua juta tahun dahulu. Semasa episod penyejukan berlaku, berlakunya penurunan aras laut di Pentas Sunda. Lembah Lenggong berada 750 km jauh ke daratan semasa 40,000 tahun dahulu berbanding sekarang hanya 80 km daripada lautan (Department of National Heritage, 2011). Walaupun penurunan aras laut tidak mempengaruhi secara langsung landskap di

Lembah Lenggong terutamanya paras sungai dan tasik pendalaman, keadaan lain seperti suhu dan hujan di bahagian pendalaman pasti agak berbeza.

Walaupun kajian palinologi di Lembah Lenggong belum dijalankan dengan secara terperinci, analisis di tapak Paleolitik Lawin iaitu tapak Paleolitik yang berada di arah utara Lenggong berdasarkan penemuan 60 jenis palinomorf terdiri daripada spora paku pakis, debunga tumbuhan peringkat tinggi, debunga herba, kelompang rumpair, spora kulat serta lumut. Palinomorf yang ditemui menunjukkan persekitaran Lawin semasa 100,000-200,000 adalah pada persekitaran terbuka berasosiasi dengan sebuah tasik kuno Lawin (Mokhtar 1997b).

Penemuan fosil vertebrat di dinding gua di Gua Badak, Lenggong yang berusia Pleistosen Pertengahan iaitu sekitar 500,000 tahun dahulu memberikan petunjuk wujudnya persekitaran lembap iaitu kebanyakan dicirikan oleh hutan (Ibrahim, 2013). Fosil tersebut dicirikan oleh mamalia besar dan makro seperti Ursidae, Tapiridae, Rhinocerotidae, dan Bovidae. Persekitaran ini turut dikenalpasti wujud semasa Pleistosen Pertengahan hingga Akhir di beberapa tapak di Asia Tenggara seperti Vietnamese Tham Khuyen dan Lang Trang (Olsen & Ciochon, 1990; Long *et al.*, 1996), Lida Ajer dan Punung di Sumatra dan Java (de Vos, 1983), dan Yenchingkou, China Selatan (Colbert and Hooijer, 1953). Kehadiran fosil bersama asemblaj campuran fauna di tapak Gua Badak memberikan maklumat persekitaran yang terbuka, berkemungkinan biotop hutan malar hijau dengan keadaan yang lembap (Ibrahim, 2013).

Berdasarkan kajian-kajian di atas, kebanyakan pengkaji paleoalam mencadangkan Lembah Lenggong telah dipengaruhi oleh persekitaran tasik kuno Chenderoh dan Sungai Perak kuno semasa Pleistosen. Kajian arkeologi yang dijalankan

sejak 1938 telah merekodkan penggunaan teres Sungai Perak kuno melalui penemuan bukti lokasi endapan berkelikir telah dijadikan sebagai tempat mendapatkan bahan mentah dan tapak bengkel pembuatan alat batu. Setakat ini, enam tapak ekskavasi telah dijalankan di teres berkelikir tersebut dan menyumbang kepada pengetahuan tentang kebudayaan Paleolitik dari segi fungsi tapak, teknologi litik, pentarikan dan paleoalam bagi tapak terbuka di Lembah Lenggong (Jadual 1.5). Kajian oleh Zuraina (1989) dan Mokhtar (1997a, 1997b dan 2007a) yang mendapati bahawa masyarakat Paleolitik di Lembah Lenggong beradaptasi dengan pesisir tasik kuno Chenderoh dan ianya mempunyai kesamaan dengan masyarakat Paleolitik yang lain di seluruh dunia (Zuraina, 1996). Melalui andaian Zuraina (1996), manusia Paleolitik di Lembah Lenggong mendiami kawasan ini secara berterusan kerana memahami keadaan tempatan dan dapat menyesuaikan dirinya dengan kawasan itu.

Jadual 1.5: Sumbangan tapak-tapak Paleolitik terbuka di Lembah Lenggong

Tapak	Bukti penemuan	Sumber bahan mentah	Usia (pentarikan kronometrik dan relatif (tahun dahulu)	Rujukan
Bukit Bunuh 2008-2010	Alat batu dan peralatan kerja	kuarzit, metasedimen kerijangan, kuarza, suevit	500,000 dan 270,000	Nor Khairunnisa (2013)
Bukit Bunuh 2001-2003	Alat batu	kuarzit, kuarza, suevit, flin, akik, rijang	40,000	Mokhtar (2006a)
Bukit Jawa	Alat pebel dan alat repeh	kuarza dan kuarzit	100, 000 -200,000	Zuraina (1997)
Temelong	Alat Pebel dan alat repehan	kuarza, kuarzit dan metakonglomerat	100, 000 -200,000	Mokhtar (1997a)
Kota tampan 1987 (KT 1987)	Alat Pebel dan alat repehan	kuarza dan kuarzit	74, 000	Zuraina (1989)
Kota Tampan 2005 (KT 2005)	Alat Pebel dan alat repehan	kuarza dan kuarzit	70, 000	Hamid (2007)

1.6 ISU DAN MASALAH KAJIAN

Walaupun kajian arkeologi di Lembah Lenggong telah menemukan banyak tapak Paleolitik terbuka, namun begitu isu utama iaitu kajian paleoalam belum dijalankan dengan secara terperinci terutamanya melibatkan kajian palinologi. Kajian paleoalam penting kerana penentuan kehidupan masyarakat prasejarah dikaitkan dengan alam semula jadi. Berikut merupakan isu dan masalah yang diketengahkan daripada kajian ini iaitu :-

1.6.1 Paleoalam

Kajian paleoalam pernah dilakukan di Lembah Lenggong yang kebanyakan melibatkan tapak Paleolitik terbuka, namun begitu kajian secara saintifik mengatakan Lembah Lenggong mempunyai tasik kuno dan sungai kuno belum dijalankan dengan secara terperinci terutama menggunakan kaedah analisis palinologi dan geomorfologi. Sungai dan tasik kuno tersebut adalah komponen yang penting dalam penghijrahan masyarakat prasejarah ke Lembah Lenggong secara berterusan iaitu dari Pleistosen Awal hingga Holosen. Walaupun begitu, data-data dalam pembinaan paleoalam di Lembah Lenggong masih tidak lengkap. Ini kerana data-data paleoalam yang ada di Lembah Lenggong hanya melibatkan usia 70,000 hingga 200,000 tahun dahulu sahaja.

Kaedah palinologi menyediakan data penting dalam merekonstruksi tumbuhan masa lampau. Tumbuhan lampau akan menggambarkan persekitaran lampau terutamanya habitat yang dihuni oleh masyarakat prasejarah. Kajian palinologi penting dalam menyokong hujah-hujah lain dalam membentuk paleoalam pada sesuatu tapak prasejarah. Sebelum ini, hanya dua tapak arkeologi sahaja yang pernah menggunakan kaedah analisis palinologi untuk membina paleoalam. Kajian ini telah dijalankan di

tapak ekskavasi Kota Tampan (Kamaludin, 1989) dan Bukit Bunuh 2008-2010 (Nor Khairunnisa, 2013). Keputusan kajian yang diperolehi kurang memberangsangkan. Ini kerana kebanyakan spora yang ditemui di tapak ini telah pecah, tidak sempurna dan terlipat dengan warna kekuningan hingga kecoklatan. Berbanding jumpaan di tapak Lawin iaitu tapak yang berada di bahagian utara Lenggong, Mokhtar (1997b) telah mengenal pasti 60 jenis palinomorf di Lawin yang terdiri daripada spora paku pakis dan tumbuhan herba. Oleh itu, data palinologi dalam kronologi kebudayaan prasejarah masih mempunyai tidak lengkap kerana tapak Lawin yang berusia 100,000 hingga 200,000 tahun dahulu sahaja memberikan data paleoalam berdasarkan tumbuhan. Tapak-tapak arkeologi lain seperti Bukit Jawa, Bukit Bunuh 2001-2003, dan beberapa tapak lain tidak menggunakan analisis palinologi dalam mentafsirkan paleoalam, tetapi hanya menggunakan kaedah paras ketinggian tasik dan teres kuno.

Bentuk fizikal tabii muka bumi atau geomorfologi kawasan merupakan faktor utama dalam mencorak aktiviti manusia. Justeru itu, manusia akan senantiasa menyesuaikan diri dengan perubahan alam sekitar dalam kehidupan. Kewujudan lembah-lembah, sungai-sungai utama dan tasik amat penting dalam adaptasi masyarakat tersebut semasa Pleistosen. Geomorfologi di Lembah Lenggong turut dikenal pasti mempunyai ciri-ciri seperti berikut (Mokhtar dan Jeffrey, 2007). Kehadiran lembah yang dibatasi oleh pergunungan sepanjang kawasan Grik hingga Lenggong turut berkemungkinan menjadi faktor tarikan migrasi manusia awal. Di bahagian lembah-lembah tersebut dikenal pasti mempunyai saluran-saliran utama dan tasik. Kajian paleoalam di tapak Kota Tampan (70,000 tahun dahulu), Bukit Jawa (100,000-200,00 tahun dahulu), Temelong (100,000-200,00 tahun dahulu), Lawin (100,000-200,00 tahun dahulu) dan Bukit Bunuh (40,000 tahun dahulu) turut menunjukkan manusia awal telah beradaptasi dengan tasik.

Kaedah geomorfologi pula sangat penting dalam menyediakan bukti bentuk muka bumi yang ditinggalkan oleh persekitaran kuno pada waktu dahulu melalui kewujudan teres-teres kuno. Kajian geomorfologi pernah dijalankan melalui kaedah peta topografi, foto udara dan kajian lapangan dengan membuktikan kewujudan bukti tasik kuno di Lembah Lenggong (Zuraina dan Tjia, 1988), walaupun begitu hubungan geomorfologi dan pengendapan sedimen secara saintifik belum didedahkan secara jelas. Terutamanya dengan sedimen Kuarterer daripada subpermukaan yang diperolehi melalui data teras penggerudian dan anomali geofizik. Oleh itu, melalui kajian ini diharapkan dapat menunjukkan bahawa hubungan setiap teras pengendapan dengan pemilihan masyarakat Paleolitik terhadap tapak Paleolitik terbuka di Lembah Lenggong.

1.6.2 Iklim

Lembah Lenggong merupakan salah satu kawasan yang mengalami iklim savana tropika semasa 70,000 tahun dahulu berdasarkan kajian di tapak KT 1987 (Zuraina, 1996). Walaupun begitu, pernyataan tersebut tidak disokong oleh bukti palinologi bagi endapan Pleistosen di Lembah Lenggong. Walaupun begitu, debunga bagi tumbuhan savana telah ditemui pada lapisan Pleistosen Pertengahan di Subang, Selangor (Morley dan Flenley, 1987). Berdasarkan kajian tersebut, berkemungkinan Semenanjung Malaysia pernah mengalami iklim savana. Oleh itu, bagi membuktikan iklim di Lembah Lenggong, kaedah palinologi dipilih untuk mengenalpasti tumbuhan yang wujud semasa Pleistosen. Ini kerana tumbuhan amat sensitif terhadap cuaca dan iklim maka fosil polen penting terhadap pembentukan semula cuaca atau iklim masa lampau.